



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBERIAN TOL PERCUMA SEMPENA PERAYAAN HARI KRISMAS

Selaras dengan semangat perpaduan Malaysia Madani, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan tol percuma selama **dua hari** kepada para pengguna lebuh raya bagi semua jenis kenderaan bersempena dengan sambutan perayaan Hari Krismas yang akan disambut pada 25 Disember 2023.

Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui mesyuarat bersama – sama dengan syarikat konsesi juga telah bersetuju dengan pelaksanaan pemberian tol percuma ini **pada 23 Disember 2023 (Sabtu) dan 26 Disember 2023 (Selasa)**.

Pengecualian tol akan diberikan kepada semua jenis kenderaan di semua plaza tol **KECUALI** di plaza tol di sempadan negara iaitu Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Plaza Tol Tanjung Kupang, Johor Darul Takzim.

Pemberian tol percuma ini diharapkan dapat meringankan beban perjalanan semua rakyat Malaysia yang merancang pulang ke kampung halaman untuk melawat ahli keluarga dan sambutan Hari Krismas atau bercuti bersama-sama keluarga sempena musim cuti sekolah. Ini juga selari dengan hasrat Kerajaan Perpaduan dalam membantu meringankan beban rakyat yang merentasi kepelbagaian agama, kaum dan kepercayaan.

Pemilihan tarikh ini juga bertujuan bagi mengelakkan penumpuan trafik pada hari perjalanan pulang ke kampung dan kembali semula ke bandar serta dapat mengoptimumkan pengoperasian dan penyelarasan logistik tambahan serta keperluan logistik lain yang melibatkan pihak ketiga di sepanjang kawasan hentian sebelah (*Lay By*) dan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di lebuh raya.

Diharapkan agar pengguna lebuh raya dapat memanfaatkan peluang ini dan merancang perjalanan dengan sebaiknya serta mematuhi cadangan jadual waktu perjalanan atau *travel time advisory* (TTA) yang disyorkan. Pengguna juga perlu menitikberatkan aspek keselamatan dengan mematuhi had laju, papan tanda dan peraturan-peraturan di sepanjang lebuh raya.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY 📩 PRO@KKR.GOV.MY 📱 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📱 KKR_MALAYSIA 📱 @MOWORKS 📱 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Pengguna boleh menyemak status trafik atau sebarang insiden di lebuh raya yang akan dikemaskini di media sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) iaitu di Facebook : Lembaga Lebuhraya Malaysia atau di aplikasi X @LLMtrafik secara berkala. Pengguna lebuh raya juga boleh menghubungi Pusat Pengurusan Trafik LLM di talian 1-800-88-7752 untuk mendapatkan maklumat terkini keadaan trafik atau bantuan.

Kementerian Kerja Raya ingin mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada semua yang menyambut perayaan ini dan semoga selamat sampai ke destinasi masing – masing.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
21 DISEMBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

✉ WWW.KKR.GOV.MY ✉ PRO@KKR.GOV.MY ✉ [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) ✉ [KKR_MALAYSIA](#) ✉ [@MOWORKS](#) ✉ [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur